

“Energizing Professional HR Leaders” Perkukuh Jalinan Strategik UTHM–SUC, Battle of Brilliance Serlah Intelek Mahasiswa

Penulis: Prof Madya Dr Fadillah Binti Ismail

JOHOR BAHRU, 16 Jun 2025 – Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FFTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama erat Southern University College (SUC) telah berjaya menganjurkan program berimpak tinggi bertajuk “*Energizing Professional HR Leaders*”, bertempat di kampus SUC, Skudai, Johor.

Program sehari ini menghimpunkan seramai 83 pelajar Tahun 2 dan sebelas pensyarah dari UTHM bersama 61 pelajar serta 12 pensyarah dan staf daripada SUC. Pelaksanaan program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*Service Learning Malaysia – University for Society* atau SULAM) yang digerakkan oleh Jabatan Pengurusan dan Pengeluaran Operasi, FFTP.

Agenda utama program ini ialah Pertandingan Poster “Battle of Brilliance” yang memperlihatkan persaingan sihat antara sepuluh kumpulan mahasiswa dari kedua-dua institusi. Pertandingan ini menjadi platform strategik untuk menilai ketajaman idea, kreativiti visual serta kefahaman pelajar terhadap isu-isu semasa dunia pekerjaan. Sebanyak enam orang juri profesional yang terdiri daripada wakil industri serta ahli akademik dari UTHM dan SUC telah dilantik untuk mengadili pertandingan ini secara adil dan telus. Dalam pertandingan tersebut, pasukan UTHM telah berjaya meraih tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai bernilai RM200, sekaligus mengharumkan nama universiti melalui hasil pembentangan yang mantap, meyakinkan dan berdaya saing.

Majlis turut menyaksikan detik bersejarah apabila surat hasrat kerjasama (Letter of Intent – LOI) termeterai secara rasmi antara kedua-dua institusi. LOI tersebut ditandatangani oleh Prof. Madya Dr. Shafie bin Mohamed Zabri, Dekan FFTP mewakili UTHM, dan Prof. Dr. John Enh Yong Heng, Dekan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan mewakili SUC. Pemeteraian ini menandakan komitmen bersama untuk memperkukuh sinergi akademik, pembangunan pelajar serta jaringan strategik antara UTHM dan SUC dalam mendepani cabaran pendidikan tinggi masa hadapan.

Sebagai pelengkap kerjasama, program ini turut menyaksikan pelaksanaan Sesi Perbincangan Korporat (Corporate Discussion) antara barisan kepimpinan FFTP UTHM dan pengurusan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan SUC. Perbincangan tersebut membuka ruang kerjasama dalam pelbagai aspek termasuk pemantapan mobiliti akademik, program bersama industri, penganjuran seminar dan latihan bersama, serta potensi penawaran program pascasiswazah rentas institusi pada masa akan datang.

Pengisian program turut menampilkan Forum Profesional bertajuk “Menelusuri Cabaran Pekerjaan dalam Mempersiapkan Mahasiswa”, yang menghimpunkan panel-panel berpengaruh daripada agensi kerajaan dan sektor industri termasuk Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP), Jabatan Tenaga Kerja

(JTK), GP Energy Tech (Malaysia) Sdn. Bhd., dan UMLand Berhad. Forum ini menjadi wadah perkongsian pandangan dan harapan terhadap kualiti serta kesiapsiagaan graduan dalam mendepani landskap kerjaya kontemporari.

Selain itu, program turut diserikan dengan sesi perkongsian inspiratif oleh wakil pelajar UTHM dan SUC, yang membentangkan topik *“Seeing the Future of HR with AI”* dan *“Application of Artificial Intelligence in the Future of HR”*. Perkongsian ini memperlihatkan tahap literasi digital serta pemikiran kritikal mahasiswa dalam menghadapi transformasi digital dunia pekerjaan.

Kemuncak ilmiah program diteruskan dengan Expert Talk oleh Prof. Dr. Balakrishnan Parasuraman, Profesor Perhubungan Industri dan Sumber Manusia dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), menerusi tajuk *“AI vs HR: Will Artificial Intelligence Replace HR Professionals?”*. Beliau mengupas secara mendalam isu keseimbangan antara kemajuan teknologi dan nilai-nilai kemanusiaan dalam sektor pengurusan sumber manusia, sekali gus mencetuskan refleksi kritikal dalam kalangan peserta.

Menurut Penasihat Program, Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail, penganjuran ini bukan sahaja memperkukuh jaringan institusi dan industri, malah membuka ruang luas kepada mahasiswa untuk memahami secara langsung tuntutan dunia pekerjaan sebenar yang semakin mencabar.

“Pertandingan ‘Battle of Brilliance’ bukan sekadar medan persaingan, tetapi ruang pembangunan sahsiah profesional mahasiswa. Ia memperkasa keyakinan, daya fikir kritis dan kemahiran komunikasi, yang merupakan tunjang kepada kebolehpasaran graduan,” ujar beliau.

Secara keseluruhannya, *“Energizing Professional HR Leaders”* mencerminkan komitmen UTHM terhadap aspirasi Malaysia MADANI melalui pendekatan pembelajaran yang holistik, berimpak tinggi, serta memperkukuh hubungan erat antara universiti dan industri dalam usaha melahirkan graduan yang seimbang, kompeten, dan berpandangan global.





AI VS. HR

WILL ARTIFICIAL INTELLIGENCE REPLACE HR PROFESSIONALS



With the rapid advancement of artificial intelligence (AI), many jobs in the field of human resources (HR) are increasingly being taken over by technology. Automation and the use of AI have transformed the way organizations manage their workforce, making several HR tasks more efficient while at the same time threatening some traditional HR roles.



SPEAKER

Universiti Malaysia
SULAM

ENERGIZING PROFESSIONAL HR LEADERS

UTHM-SUC SYNERGY FOR EXCELLENCE

16 JUNE 2025

9.00 AM

SOUTHERN UNIVERSITY COLLEGE,
JOHOR BAHRU





